

07/05/1998

Tumpu perjuangan rampas Piala Thomas - PM

Hussain Said

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mahu setiap pemain Piala Thomas negara memberi tumpuan kepada perjuangan merampas piala prestij itu di Hong Kong, bermula 16 Mei ini dan bukan memikirkan soal ganjaran.

Amanat Perdana Menteri itu disampaikan penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dalam majlis meraikan skuad badminton negara di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Dr Hasmah berkata tiada alasan jika mereka gagal melangkah ke separuh akhir, sedangkan pelbagai ramuan dan keupayaan sudahpun dimiliki.

Malah, dia mahu pemain menunjukkan permainan baik diiringi semangat juang hingga mata terakhir serta menuntut pemain menanam sikap tidak mengaku kalah sebelum berjuang.

"Saya rasa tiada alasan jika pemain gagal mencapai sasaran berdasarkan faktor yang dimiliki sekarang. Malah, saya rasa pemain boleh mencapai lebih daripada itu."

"Kita punya jurulatih yang baik, pemain yang setanding dan tahu kelemahan lawan berdasarkan pertemuan dalam kejohanan sebelum ini."

"Pemain juga memiliki mental dan kecergasan tinggi berdasarkan latihan serta persiapan. Cuma, kini terpulang kepada usaha pemain untuk menentukan kejayaan atau sebaliknya," katanya.

Sambil berharap pemain melupakan detik duka dua tahun lalu apabila buat pertama kali sejak 1984 skuad negara gagal ke separuh akhir, Dr Hasmah turut mahukan pemain membuktikan kebolehan sendiri.

"Selain tumpuan utama sukan negara kepada Sukan Komanwel, Piala Thomas kali ini turut menjadi harapan. Jadi, saya harap pemain buktikan kita adalah antara kuasa utama badminton dunia," katanya.

Sementara itu, ketua pasukan, Cheah Soon Kit memberi jaminan skuad kali ini akan menunjukkan persembahan baik untuk mengharumkan nama negara.

Pengurus pasukan, Datuk Mohamad Al Amin Majid, berkata sasaran skuad negara adalah separuh akhir, tapi berjanji bahawa pemain akan berusaha untuk layak ke final sekali gus menjulang piala prestij itu.

(END)